

Sepakat jalin kerjasama tangani isu buli



Rohani bersama tetamu dan komuniti yang hadir dalam forum semasa isu Buli.

AMPANG - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti dalam membincangkan isu buli.

Selain itu, kerjasama itu turut mencari idea dan cadangan bagi mengatasi isu berkenaan.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, pihaknya perlu mendapat maklum balas daripada pelbagai peringkat untuk dijadikan kertas kerja, sebelum dibincangkan pada mesyuarat majlis sosial negara dalam masa terdekat.

"Saya amat mengalu-alukan usaha NGO Pertubuhan Nadi Sihat mengadakan forum semasa berkaitan isu buli. Pengisian yang berguna dalam forum ini juga akan dicatat dalam kertas kerja itu.

"Kertas kerja itu sudah ada, namun kita harus mengemas kini maklumat terbaharu dari masa ke semasa, sebelum dibentangkan dalam mesyuarat itu," katanya.

Rohani berkata, forum ini sebagai landasan kepada penyelesaian secara holistik dengan

penglibatan semua lapisan masyarakat.

"Tujuan forum anjuran Pertubuhan Nadi Sihat ini adalah untuk beri pendedahan kepada masyarakat tentang punca buli dan bagaimana cara merawat dan mengatasi masalah ini daripada akar umbi," katanya.

Beliau berkata, kerjasama komuniti dan warga pendidik sangat relevan dan penting kerana buli bukan sahaja berlaku di sekolah malah di tempat awam.

"Masyarakat boleh menjadi mata dan telinga pihak polis dalam usaha mencegah buli daripada terus berleluasa," katanya.

Turut hadir Pengarah Pendidikan Negeri Selangor, Mohd Salleh Mohd Kassim dan Pengerusi Pertubuhan Nadi Sihat, Datuk Ismail Kijo.

